40

# Upacara berkhatam bagi 15 pasukan seni Silat Sending

JASIN, Ahad.

LIMA belas pasukan seni Silat Sending telah melangsungkan upacara berkhatam setelah mereka tamat latihan selama tujuh bulan di halaman rumah tuk guru mereka di Kampung Chohong — enam batu dari sini — baru-baru ini.

11 DEC 1972

Upacara yang gemilang itu serta bersejarah mengikut adat istiadat berkhatam telah dijalankan oleh Tuk Guru Encik Ismail bin Haji Sadin dan disaksikan oleh anak-anak muridnya dan para jemputan yang berminat dalam seni tersebut.

Encik Ismail yang menjadi tuk guru seni silat sending kira-kira dua puluh tahun lalu ialah seorang ahli silat yang mempunyai pengalaman yang luas.

Terkenal di kalangan ahli-ahli silat di negeri ini, Encik Ismail bersetuju bahawa seni silat sending dan seni silat gayung mempunyai persamaan dari segi pembukaan dan cara geraknya.

"Jika kita perhatikan dengan teliliti kedua-dua cara seni tersebut, tidak ada bezanya kecuali pengajarannya mungkin tidak sama," ujar Encik Ismail.

## Menyeru

Beliau menyeru kepada tokoh-tokoh seni silat sending, seni silat gayung dan seni silat harimau supaya bertukar-tukat fikiran sebagai satu langkah untuk meninggikan mutu seni silat-silat itu sambil mempopularkannya di kalangan belia-belia kita hari ini.

Encik Ismail juga mengharapkan agar pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi kita supaya berminat dalam lapangan seni silat untuk hanya mempertahankan diri dari sabarang serangan musuh dan tidak pula untuk niat yang jahat.

Menurutnya dalam lalihan seni silat sending, murid-murid baru tidak dibenarkan menggunakan sebarang senjata tetapi setelah mereka mahir dalam segala ajarannya baru mereka dibenarkan mengguna keris.

Tiap-tiap pasukan yang tamat latihan baru-baru ini, mempunyai seorang ketua dan 20 orang ahli. Murid-murid itu juga dapat mengadakan pertunjukan pentas jika diundang dalam sebarang majlis perkahwinan atau temasya-temasya tempatan.

## Pengajaran

Bagaimanapun, Encik Ismail akan meneruskan pengajarannya kepada belia-belia yang ingin menjadi murid-muridnya dan latihan-latihan awal akan diadakan.

Semua murid - murid mesti patuh kepada segala syarat dan undang-undang seni silat itu. Disiplin adalah diutamakan dan sebarang murid perlu bersupan dan sabar ketika menjalani latihan itu.

**Gambar atas menunjukkan Tuk Guru Encik Ismail yang memakai selepang putih bergambar dengan sebahagian dari 15 orang ketua setelah tamat upacara berkhatam. Tiap-tiap seorang ketua itu bersenjatakan keris yang terselit di pinggang masing-masing.**